# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## KENYATAAN MEDIA (08 DISEMBER 2020)

### 1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **dua (2) kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,072 kes.**

#### A. Kes Baharu COVID-19

**I. Daerah Kuching (1 Kes Baharu)(Kes Import A)**

**a) Kes Saringan Kontak Rapat kepada Kes Positif COVID-19**

**Kes 1,071** merupakan seorang lelaki rakyat Indonesia yang telah dikesan dan dimasukkan ke pusat kuarantin kerana mempunyai kontak rapat dan kembar kepada kes positif COVID-19 yang telah dilaporkan pada 4 Disember 2020 iaitu kes 1,067.

Kes telah menjalani saringan rT-PCR COVID-19 pada 7 Disember 2020 semasa berada di pusat kuarantin dan keputusan ujian rT-PCR mendapati beliau positif COVID-19.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Berdasarkan siasatan, kes ini yang berasal dari Kalimantan, Indonesia telah memasuki Sarawak pada pertengahan bulan November 2020. Kes ini juga dipercayai memasuki negara ini secara tidak sah kerana tiada data kemasukkan kes ke Sarawak bersama kes Ke-1067.

Berdasarkan sejarah pergerakan, kes ini dikategorikan sebagai kes Import A iaitu jangkitan semasa berada di negara asal kes (Indonesia) sebelum masuk ke Sarawak.

**b) Kes Saringan Individu Dari Semenanjung Malaysia (1 Kes Baharu)(Kes Import B)**

**Kes 1,072** merupakan seorang lelaki warganegara dari Kelantan yang telah masuk ke Sarawak atas urusan melaporkan diri di pusat latihan di Kuching Sarawak. Kes telah masuk ke Sarawak pada 6 Disember 2020 dan telah diberi arahan kuarantin wajip selama 14 hari di pusat kuarantin yang disediakan.

Kes juga telah menjalani saringan rT-PCR pada 6 Disember 2020 dan didapati positif pada 8 Disember 2020. Berdasarkan siasatan awal, kes ini pernah menjalani saringan COVID-19 pada 19 November 2020 di negeri asal dan didapati negatif.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan. Kes telah dirujuk ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak. Kes masih dalam siasatan lanjut dan pengesanan kontak-kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan senagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di Kelantan.

**B. <u>Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.</u>**

Hari ini, **tiada kluster baharu dilaporkan.** Terdapat empat (4) kluster yang masih aktif di Sarawak seperti berikut:

i) **Kluster Besi, Kuching :** kes positif kekal 12 orang termasuk kes indeks.

ii) **Kluster Jalan Abell, Kuching :** kes positif kekal 15 orang termasuk kes indeks.

iii) **Kluster Greenhill, Kuching :** kes positif kekal 91 orang termasuk kes indeks.

iv) **Kluster Wisma Saberkas, Kuching :** kes positif kekal 44 orang termasuk kes indeks.

## C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

**Terdapat dua (2)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Sibu pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,037** orang atau **96.74%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **16** orang iaitu:

- 13 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak; dan
- Tiga (3) kes di Hospital Miri.

Hari ini, **17 PUI** baru telah dilaporkan dan **lima (5) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

## D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Daerah Kuching dan Serian kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **empat (4)** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Kuching (2) dan Serian (2). Manakala 38 buah daerah lain kekal berstatus Hijau.

## 2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **empat (4) notis kompaun** iaitu di Kota Samarahan (2), Bau (1) dan Betong (1).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **67 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (27), MD Marudi (13), MD Serian (8), DBKU (7), MDDM (5), BDA (3), MBKS (2) dan MB Miri (2).

## 3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini, sebanyak **1,317 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (184), Restoran (279), Kilang (17), Bank (116), Pejabat Kerajaan (33), Penjaja (24), Pasar Tani/Awam (56), Tempat Ibadah (61), Tempat Riadah (36), Tapak Pembinaan (21) dan lain-lain (490).

Seramai **582 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (273), ATM (34), RELA (132), APM (84), PBT (52), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

**4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,942** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**
**08 DISEMBER 2020**
**5.00 PETANG**

# MAKLUMAT TAMBAHAN

## 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Previous Cases | | 1070 | Total Cases still in ward | 16 | 1.49% |
| New Cases | | 2 | Cases in *Intensive Care Unit (ICU)* | 0 | 0.00% |
| Total Samples by Individu | | 188,434 | Intubated Cases | 0 | 0.00% |
| Cumm. Positve Cases | | 1072 | Total Death Cases | 19 | 1.77% |
| IR per 100,000 population | | 34.75 | Recovered and discharged cases | 1,037 | 96.74% |
| Lab. Results (PUI) | New | Cummulative | *Patient Under Investigation* (PUI) | New | Cummulative |
| Negative | 10 | 9,784 | | 17 | 10,861 |
| Pending Result | 5 | 5 | | | |

| Current Status | | SGH Kuching | Hospital Sibu | Hospital Bintulu | Hospital Miri | Hospital Sungai Buloh | TOTAL |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Patients still in ward | | 13 | 0 | 0 | 3 | 0 | 16 |
| Kes di *Intensive Care Unit (ICU)* | | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Intubated cases | | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Total Death Cases | | 17 | 0 | 0 | 2 | 0 | 19 |
| Recovered and discharged cases | New | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| | Cummulatiive | 867 | 43 | 49 | 76 | 2 | 1037 |
| Total re-admmission cases (*Re-tested Positive*) | | 9 | 9 | 3 | 1 | 0 | 22 |

| DAERAH KUNING (2) | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Kuching | 15 | 7,326 | 2 | 716 | 0 | 694 | 0 | 12 | 10 | 9 | 2 |
| 2 | Serian | 0 | 330 | 0 | 27 | 0 | 25 | 0 | 0 | 2 | 2 | 2 |
| Jumlah | | 15 | 7656 | 2 | 743 | 0 | 719 | 0 | 12 | 12 | 11 | 4 |

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

| DAERAH HIJAU (38) | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Miri | 1 | 912 | 0 | 58 | 0 | 56 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| 2 | Lawas | 0 | 29 | 0 | 11 | 0 | 10 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 3 | Lundu | 0 | 262 | 0 | 7 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | Limbang | 0 | 35 | 0 | 13 | 0 | 10 | 0 | 1 | 2 | 2 | 0 |
| 5 | Samarahan | 1 | 600 | 0 | 116 | 0 | 112 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Bintulu | 0 | 326 | 0 | 49 | 0 | 49 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | Lubok Antu | 0 | 28 | 0 | 3 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Sibu | 0 | 124 | 0 | 19 | 2 | 19 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 |
| 9 | Bau | 0 | 184 | 0 | 7 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10 | Simunjan | 0 | 67 | 0 | 8 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 11 | Tanjung Manis | 0 | 23 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 12 | Tebedu | 0 | 8 | 0 | 3 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 13 | Asajaya | 0 | 44 | 0 | 5 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 14 | Sri Aman | 0 | 56 | 0 | 4 | 0 | 3 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | Betong | 0 | 190 | 0 | 16 | 0 | 16 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 16 | Mukah | 0 | 48 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 17 | Matu | 0 | 6 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 18 | Sarikei | 0 | 92 | 0 | 6 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 19 | Saratok | 0 | 28 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 20 | Pusa | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 21 | Kabong | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 22 | Meradong | 0 | 35 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 23 | Julau | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 24 | Pakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 25 | Kanowit | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 26 | Selangau | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 27 | Tatau | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 28 | Sebauh | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 29 | Dalat | 0 | 14 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 30 | Daro | 0 | 7 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 31 | Kapit | 0 | 37 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 32 | Belaga | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 33 | Song | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 34 | Bukit Mabong | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 35 | Marudi | 0 | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 36 | Subis | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 37 | Beluru | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 38 | Telang Usan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 2 | 3,205 | 0 | 329 | 2 | 318 | 0 | 7 | 4 | 5 | 0 |

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah Besar | 17 | 10,861 | 2 | 1,072 | 2 | 1,037 | 0 | 19 | 16 | 16 | 4 |

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

# 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **394** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **39 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,526 orang.** Manakala seramai **37,005 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 08.12.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|---|---|---|---|
| 1 | Kuching (2,542) | Hock Lee | 112 |
| 2 | | Grand Dormani | 35 |
| 3 | | Kuching Park | 94 |
| 4 | | Pullman | 429 |
| 5 | | Hilton | 321 |
| 6 | | Harbour View | 219 |
| 7 | | Riverside (Astana Wing) | 229 |
| 8 | | Grand Margherita | 315 |
| 9 | | Imperial Boulevard | 232 |
| 10 | | Tune Hotel | 71 |
| 11 | | Dormani Hotel | 52 |
| 12 | | Grand Continental | 198 |
| 13 | | Meritin | 44 |
| 14 | | Longhouse | 72 |
| 15 | | Abell | 57 |
| 16 | | Lot 10 | 62 |
| 17 | Miri (1,154) | Mega Hotel | 148 |
| 18 | | Somerset | 42 |
| 19 | | Imperial Palace | 243 |
| 20 | | Eastwood Valley | 68 |
| 21 | | Paragon | 66 |
| 22 | | Meritz | 240 |
| 23 | | Miri | 48 |
| 24 | | Dynasty | 136 |
| 25 | | Kenyalang Suite | 40 |
| 26 | | Citi Hotel | 53 |
| 27 | | Nova | 70 |
| 28 | Bintulu (328) | Wasan Inn | 33 |
| 29 | | Fairfield by Marriot | 160 |
| 30 | | Kidurong Inn | 36 |
| 31 | | Motel Kapok | 47 |
| 32 | | Faber Inn | 26 |
| 33 | | AA Inn | 26 |
| 34 | Limbang (230) | Purnama | 129 |
| 35 | | Seri Malaysia (Lawas) | 79 |
| 36 | | Mandarin (Lawas) | 22 |
| 37 | Sibu (141) | Premier | 141 |
| 38 | Samarahan (131) | INFRA | 63 |
| 39 | | Kolej Rafflesia, UNIMAS | 68 |
| | | **Jumlah PUS** | **4,526** |

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **2 lokasi di Miri (1) dan Sibu (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,054 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 08.12.2020 @ 8.00 pagi)

| **BIL** | **BAHAGIAN** | **OPERASI SEMASA** | **OPERASI TERKUMPUL** |
|---|---|---|---|
| 1 | Kuching | TIADA | 691 |
| **2** | **Miri** | **1** | **413** |
| **3** | **Sibu** | **1** | **193** |
| 4 | Samarahan | TIADA | 134 |
| 5 | Bintulu | TIADA | 121 |
| 6 | Sarikei | TIADA | 118 |
| 7 | Limbang | TIADA | 95 |
| 8 | Serian | TIADA | 69 |
| 9 | Betong | TIADA | 60 |
| 10 | Sri Aman | TIADA | 54 |
| 11 | Kapit | TIADA | 54 |
| 12 | Mukah | TIADA | 52 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **2,054** |

**4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **35 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 08.12.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | LOKASI |
|---|---|---|
| 1 | MP Sibu | 9 |
| 2 | BDA | 2 |
| 3 | MCC | 13 |
| 4 | MD Marudi | 5 |
| 5 | MPP | 3 |
| 6 | MD Serian | 3 |
| | **Jumlah** | **35** |